



**KERTAS UNTUK MAKLUMAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-35**

**PERSEDIAAN AUDIT BADAN PENSIJILAN TAHUN 2017 BAGI
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) DAN
SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMS)**

Tujuan

1. Kertas ini disediakan bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai persediaan audit badan pensijilan tahun 2017 bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS).

Latar Belakang

2. Audit oleh pihak ketiga (Badan pensijilan SIRIM) dilaksanakan pada setiap tahun untuk memastikan UPM mendapat dan mengekalkan pensijilan bagi ISMS dan EMS di UPM. Jadual pelaksanaan audit di UPM telah dibentang dan dilaporkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-32 yang merangkumi tarikh penting iaitu tarikh audit, peringkat audit (Pemantauan Semakan 2 bagi ISMS dan Pensijilan Semula bagi EMS), tarikh akhir penghantaran pelan tindakan ke SIRIM dan tarikh akhir penghantaran bukti tindakan pembetulan.

Persediaan Audit Badan Pensijilan Tahun 2017

3. Butiran pelaksanaan audit ISMS dan EMS adalah sebagaimana berikut:

3.1 Audit Badan Pensijilan ISMS

Pemakluman berkaitan perluasan skop audit di Bintulu telah dibuat kepada pihak SIRIM dan surat notifikasi audit telah diterima bertarikh 6 Julai 2017 yang merangkumi tarikh audit dan senarai juruaudit. Pada tahun 2017, audit ISMS akan diadakan pada 6 September 2017

yang akan mengaudit proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah di Kampus Bintulu dan bersambung audit pada 2 hingga 3 November 2017 di Kampus Serdang.

Seramai tiga (3) orang juruaudit akan terlibat iaitu:

- (a) Puan Sazlin Alias (Ketua Juruaudit) – 6 September (di Kampus Bintulu) dan 2 hingga 3 Oktober 2017 (di Kampus Serdang);
- (b) Encik Mohammad Hamidi Yusop – 2 hingga 3 Oktober 2017; dan
- (c) Seorang juruaudit akan ditentukan kemudian yang akan mengaudit selama satu (1) hari.

3.2 Audit Badan Pensijilan EMS

Pihak UPM belum menerima surat notifikasi audit daripada pihak SIRIM, walau bagaimanapun tarikh audit SIRIM adalah kekal pada 9 hingga 10 Oktober 2017 sebagaimana yang dilaporkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-32.

4. Semasa audit badan pensijilan pada tahun 2016, pihak UPM telah menerima laporan peluang penambahbaikan (OFI) iaitu sebanyak lapan (8) OFI bagi audit ISMS dan tiga (3) OFI bagi audit EMS. Status penghantaran bukti pelaksanaan OFI adalah sebagaimana **Jadual A** bagi ISMS dan **Jadual B bagi EMS**. Perincian laporan OFI boleh dirujuk melalui portal Sistem Pengurusan ISO (e-ISO) di bawah pautan audit SIRIM.

Jadual A: Status penghantaran bukti pelaksanaan OFI bagi Audit ISMS

No. OFI	Klausa	Pusat Tanggungjawab (PTJ) terlibat	Status Tindakan
OFI-1	6.1 Tindakan untuk Menangani Risiko dan Peluang	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)	SELESAI [Maklumbalas dan bukti diterima pada 21/10/2016]

No. OFI	Klausa	Pusat Tanggungjawab (PTJ) terlibat	Status Tindakan
OFI-2	8.1 Perancangan dan Kawalan Operasi A.8.2.2 Pelabelan Maklumat	Kolej Kediaman	Perlu semakan semula, tindakan belum dilaksanakan sepenuhnya [Maklumbalas dan bukti diterima pada 21/6/2017]
OFI-3	8.1 Perancangan dan Kawalan Operasi	1. Pusat Kesihatan Universiti	SELESAI [Maklumbalas dan bukti diterima pada 9/11/2016]
	A.15.1.2 Menangani Keselamatan dalam Perjanjian Pembekal	2. Pejabat Penasihat Undang-Undang	SELESAI [Maklumbalas dan bukti diterima pada 4/11/2016]
OFI-4	6.1.3 (a) Pemulihan Risiko Keselamatan Maklumat	Pasukan Penilaian Risiko - Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC)	Dalam Proses [Tarikh akhir pada 30/8/2017)
OFI-5	6.1.2 (c) Penilaian Risiko Keselamatan Maklumat	1. Pasukan Penilaian Risiko - Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC)	SELESAI [Maklumbalas dan bukti diterima pada 17/11/2016]
		2. Pejabat Bursar	SELESAI [Maklumbalas dan bukti diterima pada 26/7/2017]
	3. Bahagian Keselamatan	Tiada Maklum Balas (peringatan dihantar semula pada 26/7/2017)	

No. OFI	Klausa	Pusat Tanggungjawab (PTJ) terlibat	Status Tindakan
OFI-6	8.1 Perancangan dan Kawalan Operasi	1. Pejabat Bursar	SELESAI [Maklumbalas dan bukti diterima pada 26/7/2017]
	A.12.2.1 Kawalan Keatas Perisian Berbahaya (Malware)	2. Bahagian Keselamatan	Tiada Maklum Balas (peringatan dihantar semula pada 26/7/2017)
OFI-7	A.17.1.1 Maklumat Pelan Kesyinambungan Keselamatan	Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm)	Tiada Maklum Balas (peringatan dihantar semula pada 26/7/2017)
OFI-8	A.17.1.3 Sah, Semak dan Nilai Maklumat Kesyinambungan Keselamatan	Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm) / Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi	Perlu semakan semula, tindakan belum dilaksanakan sepenuhnya [Maklumbalas dan bukti diterima pada 17/11/2016]

Jadual B: Status penghantaran bukti pelaksanaan OFI bagi Audit EMS

No. OFI	Klausa	Pusat Tanggungjawab (PTJ) terlibat	Status Tindakan
OFI-1	4.3.2 Undang-Undang dan keperluan Lain	Pejabat Penasihat Undang-Undang	SELESAI [Maklumbalas dan bukti diterima pada 14/4/2017]
OFI-2	4.5.2 Penilaian Kepatuhan	Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK) – Pusat Jaminan Kualiti	SELESAI [Maklumbalas dan bukti diterima pada 1/6/2017]

No. OFI	Klausa	Pusat Tanggungjawab (PTJ) terlibat	Status Tindakan
OFI-3(a)	4.4.6 Kawalan Operasi	Fakulti Pertanian	Bukti tindakan belum dikemukakan [Maklumbalas pelan tindakan diterima pada 7/11/2016]
OFI-3(b)	4.4.6 Kawalan Operasi	Fakulti Pertanian	Bukti tindakan belum dikemukakan [Maklumbalas pelan tindakan diterima pada 7/11/2016]
		Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	SELESAI [Maklumbalas dan bukti diterima pada 11/11/2016 & 15/11/2016]
OFI-3(c)	4.4.6 Kawalan Operasi	Taman Pertanian Universiti	SELESAI [Maklumbalas dan bukti diterima pada 7/11/2016 dan 26/7/2017]
OFI-3(d)	4.4.6 Kawalan Operasi	Taman Pertanian Universiti	SELESAI [Maklumbalas dan bukti diterima pada 7/11/2016 dan 26/7/2017]
OFI-3(e)	4.4.6 Kawalan Operasi	Taman Pertanian Universiti	SELESAI [Maklumbalas dan bukti diterima pada 7/11/2016 dan 26/7/2017]

No. OFI	Klausa	Pusat Tanggungjawab (PTJ) terlibat	Status Tindakan
OFI-3(f)	4.4.6 Kawalan Operasi	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	SELESAI [Maklumbalas dan bukti diterima pada 26/07/2017]
OFI-3(g)	4.4.6 Kawalan Operasi	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	SELESAI [Maklumbalas dan bukti diterima pada 11/11/2016]

5. Pelaksanaan tindakan OFI bagi audit SIRIM tahun 2016 akan disemak bukti pelaksanaan semasa audit akan datang pada tarikh yang telah dimaklumkan.

Syor

6. Ahli mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM dimohon beri perhatian perkara berikut:

- (a) mengambil maklum berhubung tarikh pelaksanaan audit badan pensijilan ISMS dan EMS tahun 2017;
- (b) mengambil perhatian status tindakan pelaksanaan OFI yang dilaporkan pada audit SIRIM tahun 2016 sebagaimana Jadual A dan B dan meminta PTJ mengemukakan bukti tindakan pelaksanaan OFI selewat-lewatnya dua minggu sebelum tarikh audit badan pensijilan tahun 2017 iaitu 18 September bagi audit ISMS dan 25 September bagi audit EMS.